

1103/2

Bahasa Melayu
Kertas 2
Ogos 2013
2 Jam 30 Minit

=====

PEPERIKSAAN PRASPM
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH
2013

BAHASA MELAYU
Kertas 2
Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **faedah-faedah bersenam kepada orang ramai dan masalah-masalah untuk melakukan senaman. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.***

Kebolehan melakukan tugas harian menyebabkan ramai orang menyangka bahawa mereka cergas, sedangkan hakikat sebenar adalah sebaliknya. Sesetengah orang menyatakan bahawa mereka jarang sakit dan tidak kerap mendapatkan rawatan perubatan tetapi hal ini tidak bermakna keadaan fizikal mereka itu baik. Dari segi kesihatan, *strategi yang berkesan* untuk seseorang berada kekal dalam keadaan cergas dan sihat adalah dengan bersenam sekurang-kurangnya tiga kali seminggu. Walaupun fakta ini diketahui umum namun aktiviti yang baik untuk kesihatan ini masih berada di tempat terbawah dalam senarai keutamaan yang perlu dilakukan pada setiap minggu.

“Tubuh yang sihat membawa kepada akal yang sihat.” Bagaimanakah senaman menyumbang kepada akal yang sihat? Senaman dalam jangka panjang memberi kebaikan kepada otak dengan melancarkan perjalanan darah ke otak. Peningkatan tekanan darah akan menyampaikan darah kepada bahagian otak yang kurang mendapat darah, seterusnya meningkatkan keperluan oksigen kepada otak. Hal ini menyebabkan kita akan menjadi lebih segar dan tidak mengantuk. Kita boleh melakukan pelbagai kerja jika tidak mengantuk.

Dari segi teori perubatan apabila seseorang bersenam, hormon adrenaline akan dibebaskan menyebabkan salur darah mengecil. Hal ini akan menyebabkan tekanan darah meningkat dan darah sampai kepada organ dalam masa yang singkat. Sebagai kesannya, salur darah di otot pula dilebarkan untuk memenuhi keperluan oksigen kepada bahagian otot berkenaan. Terdapat banyak lagi faedah yang berlaku dalam perubahan fisiologi apabila seseorang bersenam. Senaman menjadikan jantung akan lebih kuat kerana darah perlu dipam cepat untuk memenuhi badan yang bermetabolisme tinggi. Hasilnya dapat menjadikan seseorang sentiasa gembira dan dalam keadaan tenang.

Apabila melakukan aktiviti jasmani, pelbagai bahan kimia di dalam otak dapat memperhebat ‘hippocampus’. ‘Hippocampus’ merupakan suatu bahagian daripada otak yang amat penting untuk memori. Kajian mendapati, senaman seperti aerobik mampu meningkatkan proses pembelajaran walaupun kepada golongan dewasa. Anda juga akan kelihatan hebat dan berkeyakinan setelah melakukan senaman kerana wujudnya kepercayaan dalam diri. Selain itu, senaman mampu menangani masalah kemurungan kepada golongan yang mengalami tekanan di rumah ataupun di tempat kerja. Banyak kes dilaporkan bahawa kemurungan ini boleh membawa kesan yang negatif.

[Lihat halaman sebelah]

Bersenam secara konsisten dan mengamalkan diet seimbang membantu mengawal berat badan yang berlebihan. Obesiti meningkatkan risiko mendapat pelbagai penyakit seperti diabetes, penyakit jantung dan batu karang. Satu fakta menarik faedah bersenam ialah jangka hayat lebih panjang dalam kalangan orang yang dikategorikan mempunyai kecergasan sederhana berbanding mereka yang tidak cergas. Hal ini terbukti melalui satu kajian yang mendapati kadar kematian kumpulan orang yang tidak cergas adalah sekali ganda lebih tinggi berbanding mereka dalam kumpulan sederhana cergas. Tuntasnya, jadikanlah bersenam sebagai satu budaya hidup kita supaya kita kekal sihat sepanjang masa.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada ‘Faedah-faedah Senaman’,
oleh Ziauddin Sharuddin,
dalam *Berita Minggu*, 12 Mac 2010)

Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *strategi yang berkesan*. [2 markah]

(ii) Nyatakan ciri-ciri yang menunjukkan seseorang itu mempunyai fizikal yang cergas?

[3 markah]

(iii) Pada pendapat anda, apakah cara-cara yang boleh dilakukan untuk menggalakkan seseorang bersenam?

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 2(b) - Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Cekodok aje? Airnya pula macam air Sungai Kelang!” rungut Israk bagaikan tuan besar. “Abang ini macam perempuan. Cerewet tidak semena-mena. Makan sajalah! Atau abang mati kebuluran.” Asap kemarahan dilepaskan sedikit demi sedikit.

“Buang masa sahaja tinggal di sini!” Bara kata-kata Israk itu memanaskan lagi telinga Mikraj. Bersarang perasaan geramnya di dalam hati apabila Israk beredar. Lagak Israk menewaskan lagak orang yang berlagak. Dia masih belum sedar daripada mimpinya. Agaknya kalau ditimpa musibah baru dia akan sedar. Sudah terhantuk baru tengadah.

Israk menekan punat televisyen. Malangnya tiada apa-apa pada skrin. Kaca TV hitam sahaja. Israk mencebik.

“TV pun rosak!” Sengaja ditinggikan suaranya seperti ‘injak naik’ yang menaikkan jumlah voltan arus yang mengalir.

Dengan sopan kerusi ditolak ke bawah meja. Mikraj menapak ke ruang tamu seluas 4 m × 6 m itu. Mata bundarnya memandang Israk yang mundar-mandir di situ. Bagaikan cacing kepanasan. Sesungguhnya dia tidak serasi dengan situasi di situ, di rumah Wah, Kampung Sayong.

“Bukankah Wah yang lebih tua daripada kita. Lagipun dia nenek kita. Tentu orang cerdik seperti abang tahu tanggjawab!”

Israk melemparkan pandangan ke luar jendela. Daun pokok pisang melambai-lambainya seolah-olah mengejanya. Dia mengetap bibir.

“Abang, kalau tanpa Wah, pa tidak lahir ke dunia. Sekali gus kita berdua pun tidak melihat dunia seperti sekarang.”

(Dipetik daripada ‘Israk’
oleh Erda Roslan Khairi dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan beberapa perlakuan Israk yang memperlihatkan bahawa dia tidak selesa tinggal di rumah Wah. [3 markah]
- (ii) Pada pandangan anda, mengapakah warga tua seperti Wah perlu dihormati? [3 markah]
- (iii) Kemukakan satu nilai dalam petikan dan dua nilai lain berdasarkan keseluruhan cerpen tersebut. [3 markah]

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 2(c) - Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah seketika itu maka bayan itu pun menjadi nuri datang ke atas ribaan tuan puteri itu seraya berpantun, demikian bunyinya:

Pergi ke padang membakar puan
Ikat timba bertali-tali;
Datang dagang mengadap tuan,
Minta perhamba sekali-kali.

Setelah Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi mendengar serta dayang-dayang dan inang pengasuh melihat nuri itu berpantun, maka asuh sekalian itu pun hairanlah di dalam hatinya. Maka kata tuan puteri di dalam hati, “Bijaksana sekali Raja Indera Bumaya itu.” Maka kata tuan puteri, “Hai nuri ,di manakah Raja Indera Bumaya itu sekarang?” Maka sahut nuri itu, “Ya tuanku tuan puteri, adapun baginda itu hampirlah ke negeri ini.” Maka tuan puteri pun berahilah hendak melihat akan Raja Indera Bumaya itu. Maka tuan puteri pun berkata, “Hai nuri ,dapatkan engkau tunjukkan aku rupanya Raja Indera Bumaya itu?” Maka sahut nuri itu, “Dapatlah juga patik tunjukkan.” Maka nuri itu pun menyelit dada tuan puteri itu dengan sayapnya, maka kelihatanlah rupa Raja Indera Bumaya itu kepada tuan puteri itu. Syahadan, seketika itu maka nuri itu pun menjadi bunga yang sudah *dikarang dengan cemerlang* terlalu indah-indah rupanya. Setelah tuan puteri dan segala dayang-dayang melihat nuri itu menjadi bunga maka tuan puteri hairanlah seraya mengambil bunga itu lalu diciumnya.

Setelah maka Raja Indera Bumaya pun mengembalikan dirinya yang sediakala duduk di kanan Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi.

(Dipetik daripada ‘Hikayat Langlang Buana’,
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *dikarang dengan cemerlang* dalam petikan di atas. [2 markah]
- (ii) Nyatakan beberapa keistimewaan yang dimiliki oleh nuri. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, adakah wajar Raja Indera Bumaya menyamar diri semata-mata untuk memikat hati tuan puteri? [3 markah]

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 2(d) - Seloka

Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SELOKA SI LUNCAI

Sikap Si Luncai, biarkan, biarkan...
Ada rumah tidak dijaga,
Ada anak tidak dilatih,
Ada ternakan tidak dibela,
Ada kebun tidak ditanam,
Ada cerdik tidak selidik,
Ada belajar kepalang ajar,
Ada mengaji tiada mengkaji,
Ada mata tiada kuasa,
Ada kuat tiada buat,
Biarkan, biarkan...!
Si Luncai pun terjun dengan labu-labunya.

*Antologi Dirgahayu Bahasaku,
Dewan Bahasa dan Pustaka.*

- (i) Nyatakan beberapa sikap malas yang dimiliki oleh Si Luncai. [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah kaedah yang sesuai untuk mengekang masalah binatang ternakan berkeliaran di jalan raya? [3 markah]
- (iii) Huraikan **tiga** pengajaran yang terdapat dalam seloka tersebut. [3 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis **satu** ayat bagi tiap-tiap kata majmuk di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan kata majmuk itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) ambil alih
- (ii) daya usaha
- (iii) campur tangan
- (iv) lipat ganda
- (v) ramah mesra
- (vi) luar biasa

[6 markah]

(b) Tukar ayat cakap ajuk di bawah kepada ayat cakap pindah atau karangan biasa tanpa mengubah maksud asalnya.

“Maria, tolong ambil bubur kacang di dapur,” pinta mak. “Bubur kacang, siapa buat mak?” tanya Maria. “Kakak kau masak tengah hari tadi,” balas mak. “Dah ambil, tolong hidang di meja, boleh kita minum petang bersama ayah,” tambah mak lagi. “Baiklah mak, tentu sedap bubur kakak buat, Maria pun dah lapar ni,” jawab Maria. “Memang sedap tu, kakak kamu bubuh durian yang ayah beli semalam,” terang mak. “Ayah, mak, marilah makan, Maria dah hidang di meja ni,” Maria memanggil ayah dan maknya minum petang.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pihak sekolah mengundang ibu bapa untuk datang ke sekolah bagi menandatangani rekod kemajuan murid sambil berbincang dengan guru-guru tentang prestasi akademi anak masing-masing.
- (ii) Kerajaan digesa ambil tindakan terhadap laman web lucah yang semakin banyak seperti cendawan tumbuh selepas hujan.
- (iii) Kita perlu menggembeleng tenaga untuk memajukan negara dalam semua aspek penghidupan dengan mengekalkan budaya tempatan yang murni.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Puan Fatimah tercegat apabila dimaklumkan bahawa anak bongsunya meninggal dunia di dalam kemalangan jalan raya.
- (ii) Perjanjian Pelanggan merupakan antara usaha-usaha kerajaan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan awam.
- (iii) Masyarakat Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbagai-bagai mestilah bersatu padu sama ada pada waktu senang dengan susah.

[6 markah]

(e) *Baca peribahasa di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa lain yang mempunyai maksud yang sama atau hampir sama dengan peribahasa tersebut.*

- (i) Carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga
- (ii) Api dalam sekam
- (iii) Membuka pekung di dada

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) PAPA... (akhirnya kau tewas jua !) karya Deana Yusof
- (ii) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain

- (a) Berbagai-bagai peristiwa negatif yang boleh dijadikan teladan dipaparkan dalam sesebuah novel.

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan **dua peristiwa negatif** yang boleh dijadikan teladan dalam kehidupan kita.

[7 markah]

- (b) Watak sampingan berperanan membantu watak utama dalam sesebuah novel. Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan **perwatakan satu watak sampingan** dalam setiap novel.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT